

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : UPACARA PERASMIAN SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI DUA, BENTONG,  
PAHANG  
Lokasi : SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI DUA, BENTONG, PAHANG  
Tarikh : 21-09-1985

Yang Amat Berhormat, Dato Najib Tun Razak, Orang Kaya Indera Shahbandar, Menteri Besar Pahang dan Toh Puan Tengku Puteri Zainiah;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan pembukaan Sekolah Kebangsaan Sungai Dua, Bentong, pada pagi ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Pelajaran Negeri Pahang yang telah berusaha mendirikan Sekolah ini yang telah dilengkapi dengan berbagai peralatan dan kemudahan yang serba moden. Juga sekolah ini merupakan sekolah yang pertama mengamalkan konsep 'Sekolah Masyarakat' di mana rumah-rumah kecil disediakan di kawasan sekolah untuk kemudahan ibu bapa ketika melawat anak-anak mereka.

Adalah diharapkan dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti ini para pelajar sekalian akan dapat menumpukan sepenuh perhatian mereka terhadap pelajaran.

3. Sesungguhnya pelajaran merupakan satu perkara yang penting dalam kehidupan kita. Oleh itu adalah wajar Kerajaan menyediakan kemudahan pembelajaran yang secukupnya kepada setiap penduduk di negara ini. Kerajaan tidak mahu melihat ada di antara rakyat di negara ini yang ketinggalan dalam apa juga bidang termasuk dalam bidang pelajaran. Saya percaya usaha Kerajaan untuk meninggikan taraf pelajaran setiap penduduk di negara ini akan berjaya sekiranya setiap ibubapa dan para pelajar khususnya menggunakan peluang yang sememangnya disediakan oleh pihak Kerajaan dengan baik.

Oleh itu saya menyeru para pelajar sekalian supaya mengubah sikap dengan tidak mengabaikan atau lalai terhadap pelajaran. Pelajaranlah yang akan menjadi harta pesaka atau aset kepada kita -- pelajaranlah yang akan menentukan nasib serta masa depan kita dan keluarga kita, sama ada terus kekal di tahap lama atau maju ke hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan pelajaran di setiap pelusuk negara, termasuklah kepada Orang-orang Asli. Walau bagaimanapun tahap pencapaian pelajaran anak-anak Orang Asli masih jauh daripada memuaskan. Kadar buta huruf masih lagi tinggi. Masih ramai yang kurang menyedari betapa pentingnya menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, sekalipun peluang sentiasa terbuka. Ada di antara ibu bapa yang tidak mahu memberi galakan atau perangsang kepada anak-anak mereka, malah masih ada yang tidak mahu menghantar anak-anak ke sekolah. Inilah salah satu masalah yang membelenggui Orang-orang Asli sekarang ini.

5. Agensi-agensi Kerajaan terutamanya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah melawat ke perkampungan Orang-orang Asli dari masa ke semasa untuk memberi penerangan mengenai perkara ini. Orang-orang Asli diseru supaya lebih bersedia untuk mengubah sikap dan mempunyai pandangan yang luas terhadap masa depan dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan diri dalam usaha menyahut seruan Kerajaan. Sudah pun terdapat beberapa orang anak muda Orang-orang Asli yang telah berjaya dalam pelajaran masing-masing dan sekarang memegang jawatan yang baik. Ini membuktikan bahawa

anak-anak Orang Asli mempunyai kemampuan mental untuk berjaya dalam bidang pelajaran. Ternyata di sini bahawa kebanyakan daripada kegagalan Orang-orang Asli adalah disebabkan sikap memberhentikan anak masing-masing sebaik-baik sahaja tamat sekolah rendah atau lebih awal lagi.

6. Orang-orang Asli sendirilah yang harus memajukan diri sendiri dengan mengubah sikap lama dan bersedia menerima pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan, seperti rancangan penempatan semula Orang Asli dan lain-lain lagi, supaya matlamat Kerajaan untuk meninggikan taraf ekonomi dan sosial Orang-orang Asli di negara ini akan tercapai. Kerajaan mahukan Orang-orang Asli hidup sebagai satu masyarakat yang produktif dalam apa juga bidang. Saya percaya kesedaran di kalangan beberapa keluarga Orang Asli ini akan beransur-ansur meluas, supaya dapat bersama-sama di dalam arus pembangunan negara dan menikmati hasil pembangunan negara dengan lebih berkesan lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Setiap masyarakat di negara ini mempunyai adat resam dan kebudayaannya sendiri. Sudah menjadi lumrah dunia satu-satu masyarakat itu akan menghargai sesiapa sahaja yang menghormati adat resam dan kebudayaan mereka. Tiada masyarakat yang tidak akan menghargai sekiranya orang lain menghormati adat resam dan kebudayaan mereka, begitulah juga dengan saudara-saudara kita Orang-orang Asli. Justeru itu saya suka menyeru setiap lapisan masyarakat Malaysia terutama kakitangan Kerajaan seperti guru-guru atau pegawai-pegawai pelajaran, supaya memahami adat resam dan kebudayaan saudara kita Orang-orang Asli.

8. Saya yakin dengan cara ini maka sebarang usaha yang dijalankan oleh Kerajaan ke arah membangun dan memajukan masyarakat Orang-orang Asli akan mencapai matlamatnya. Saya berharap Orang-orang Asli yang mempunyai kesedaran ini serta kakitangan Kerajaan yang lain akan mempengaruhi setiap golongan Orang-orang Asli supaya tidak mengasingkan diri daripada arus pembangunan dan kemajuan pesat negara ini.

Saya yakin setiap usaha yang disusun dengan rapi dan teratur akan dapat meyakinkan Orang-orang Asli dan akan berhasil akhirnya. Bagi diri saya peluang bertemu rakan-rakan daripada Orang-orang Asli hari ini adalah satu peluang keemasan yang akan menjadi kenangan manis dalam hidup saya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Dengan harapan supaya masyarakat Orang Asli di negara ini terus menempa kemajuan, saya dengan sukacitanya membuka bangunan Sekolah Kebangsaan Sungai Dua ini dengan rasminya.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Terima kasih